



Sari 25 (2007) 171 - 186

Sureq, Lontaraq, Toloq: Manuskrip dan Ragam Sastera Bugis

SIRTJO KOOLHOF

ABSTRAK

Sejak tahun 1970-an sastera Bugis tertulis digolongkan ke dalam dua kategori, sureq, iaitu sastera indah dan lontaraq, prosa dengan ciri yang lebih berorientasi praktis, seringkali berupa tulisan sejarah. Walaupun hampir semua penyelidik sastera Bugis mengikuti klasifikasi itu, tradisi manuskrip Bugis sendiri tidak mendukung dikotomi sureq-lontaraq ini. Dalam artikel ini, penggunaan istilah ini, bersama istilah toloq, (biasanya diertikan sebagai ‘syair kepahlawanan’), diulang kaji berdasarkan isi manuskrip Bugis dan tradisinya. Berdasarkan tradisi manuskrip itu, dapat disimpulkan bahawa istilah sureq dan lontaraq pada dasarnya tidak mengacu kepada ragam sastera, tetapi kepada manuskrip sebagai benda fizikal dan pemakaian istilah itu untuk jenis sastera merupakan klasifikasi artifisial.

Kata kunci: Sastera Bugis, jenis sastera, manuskrip, Sulawesi Selatan

ABSTRACT

Since the 1970s, Bugis written literature has been usually classified into two categories, sureq (literature, belles lettres) and lontaraq (prose texts with a more practical orientation, often of a historiographic nature). Although most scholars accept this classification, the Bugis manuscript tradition does not support this dichotomy. In this article, the use of these terms, as well as the term toloq (usually translated as ‘heroic poem’) is analyzed based on the manuscript tradition. This analysis finds no support for the use of these terms for literary genres, but shows instead that they refer to manuscripts as physical objects and that their use to classify genres of literature is artificial.

Key words: Bugis literature, literature genre, manuscripts, South Sulawesi

PENDAHULUAN

Sastera tradisional Bugis sejak pertama kali disebut oleh John Leyden (1811) tidaklah terlalu menarik perhatian pengkaji di negara Barat jika dibandingkan dengan sastera Jawa, Bali atau Melayu. Penterjemah asal kitab Injil orang



Belanda, B.F. Matthes (1818-1908), adalah orang pertama yang mempelajari bahasa Bugis secara intensif berdasarkan sumber-sumber tertulis yang sudah cukup banyak itu. Manuskip-manuskip itu dalam bahasa Bugis, disebut *lontaraq* atau *sureq*, mengandungi pelbagai macam teks, daripada bahasa yang luas tentang salasilah keturunan dan sejarah, risalah agama, panduan pembuatan kapal dan rumah kepada puisi-puisi kepahlawanan. Matthes menerbitkan sebuah antologi dari karya-karya ini dalam *Boegineesche Chrestomathie* (Matthes 1864-72) yang terdiri daripada dua jilid, tanpa disertai analisa yang mendalam tentang jenis atau ragam sastera Bugis tradisional yang beraneka ragam itu. Baginya, tulisan tersebut digunakan terutamanya sebagai alat pembelajaran bahasa untuk mempersiapkan dirinya dalam tugas utamanya: menterjemah kitab Injil ke dalam bahasa Bugis. Selepas Matthes, beberapa orang ahli yang lain juga mempelajari pelbagai macam teks Bugis dan menerbitkan sejumlah karya masing-masing. Antaranya Kern (1939), Noorduyn (1955), Tol (1990) dan Fachruddin (1999). Seperti Matthes, tidak ada seorangpun daripada mereka itu membuat analisa menyeluruh tentang kepelbagaiannya ragam sastera Bugis, meskipun Tol dan Fachruddin mengemukakan pertanyaan tentang hubungan antara tulisan yang mereka terbitkan dengan jenis teks Bugis yang lain. Sehuhungan itu, Christian Pelras (1975 & 1979) adalah sarjana yang pertama memberi penjelasan dan analisa yang menyeluruh tentang korpus sastera tradisional Bugis, baik yang tertulis maupun yang lisan, sedangkan tulisan-tulisan Pelras, Tol dan Fachruddin adalah sumber utama tentang sastera tradisional Bugis dengan berbagai kategori di dalamnya. Bagaimanapun, tulisan mereka juga merupakan sumber kekeliruan klasifikasi sastera Bugis yang dibahagikan kepada dua kategori yang besar, iaitu *sureq* dan *lontaraq*, yang tidak didukung tradisi sastera Bugis itu sendiri.

SUREQ VERSUS LONTARAQ

Dalam sebahagian besar penyelidikan tentang sastera Bugis yang diterbitkan sejak tahun 1970-an, perbincangan hanya berlegar di sekitar pembahagian sastera tradisional Bugis menjadi dua kelompok, iaitu *sureq* dan *lontaraq*. Kedua-duanya adalah istilah yang sering digunakan untuk mengklasifikasikan ragam sastera dan bentuk fizikal karya sastera. Dalam beberapa kes, terdapat perbezaan regional dalam istilah dan batas antara kategori yang tidak selalu jelas. Kebanyakan pengarang moden menyetujui dikotomi dasar dalam sastera tulis Bugis menjadi *sureq*, iaitu “sastera indah” (*belles lettres*) – biasanya dalam bentuk puisi dan yang lebih spesifik lagi episod-episod *La Galigo* – dan *lontaraq*, prosa dengan ciri yang lebih berorientasikan praktis, yang juga seringkali berupa tulisan sejarah (Pelras 1975:245-7 & 1979:279-80; Zainal Abidin 1983:108; Tol 1990:3; Fachruddin AE 1999:22, 85-6; Rahman 1998:49-53; Akhmar 2003:21-2).



Meskipun bukan orang yang pertama yang memperkatakan dikotomi *sureq-lontaraq*, Fachruddin Ambo Enre dalam bukunya yang berasaskan tesis doktor falsafahnya di Universitas Indonesia, Jakarta (1999:22-9, 85-9) telah menyajikan penjelasan dengan panjang lebar tentang klasifikasi ragam sastera Bugis, walaupun tidak selalu konsisten, malahan kadangkala berlawanan. Menurut Fachruddin, *sureq* adalah sastera; sementara *lontaraq* bukanlah sastera. Dia memasukkan *élong*, sajak non-naratif tiga seuntai pendek dan *toloq*, sajak kepahlawanan, dua-duanya disusun dalam bahasa bermatra, ke dalam golongan *sureq* (1999:23-4). Berdasarkan kriteria yang lain, iaitu *sureq* adalah cerita (naratif), Fachruddin tidak menggolongkan *élong* ke dalam kategori *sureq* (1999:88).

Menurut Fachruddin (1999:85-6), terdapat perbezaan dalam cara membaca *sureq* dan *lontaraq*: *sureq* dinyanyikan dengan melodi tertentu (*laoang*), sementara *lontaraq* tidak. Berdasarkan isinya, *sureq* dan *lontaraq* juga berbeza, dengan *sureq* selalu berbentuk cerita, sementara *lontaraq* adalah “naskah tulis tangan yang biasanya berisi silsilah, catatan harian atau kumpulan berbagai catatan, terutama yang menyangkut sejarah” (1999:86). Di sini, Fachruddin merujuk pada pendapat A.A. Cense (1951:42-3) yang menyatakan bahawa “untuk semua tulisan ini [bahasa Belanda *geschriften*] dipakai istilah pinjaman *lontaraq*, sebuah kata yang secara umum dapat merujuk pada tulisan apapun, tetapi secara jelas dan spesifik digunakan untuk jenis naskah dengan muatan sejarah”. Menurut Fachruddin, kategori *sureq* dapat diklasifikasikan berdasarkan ciri-ciri di dalamnya. Berdasarkan iramanya, dia membahaginya menjadi dua kelompok. Yang pertama adalah teks-teks yang bermetrum tetap (*La Galigo* dan *toloq*), dan yang kedua teks-teks yang bermetrum tidak tetap. Dalam hal ini, dia menambah bahawa “*sureq* sebenarnya adalah prosa yang yang dibaca sambil berlagu pula” (1999:86).

Berdasarkan isi teks yang termasuk dalam kategori *sureq*, dia membezakannya menjadi empat jenis. Yang pertama adalah *La Galigo*, yang kedua tulisan-tulisan yang mengandungi cerita (*pau-pau*) yang “tidak dimaksudkan sebagai gambaran kehidupan nyata, meskipun ada juga di antaranya yang menyebutkan negeri atau wilayah yang dikenal ada”. Judul-judul yang dicontohkan itu termasuk dalam jenis *sureq*, kedua, semuanya mengacu kepada karya-karya adaptasi Bugis atau terjemahan dari teks Melayu (Fachruddin 1999:86).¹ Jenis *sureq* yang ketiga adalah *toloq*, dan yang keempat adalah “cerita baru” (*pau-pau baru*). Keempat-empat kategori itu disusun menurut kerangka kronologi, dengan kategori yang pertama adalah yang tertua, sementara kategori yang keempat adalah yang terbaru (1999:86-7). Ada beberapa karya sastera yang lain yang oleh Fachruddin tidak dimasukkan ke dalam kategori *sureq* kerana tidak dilakukan, meskipun isinya adalah cerita (1999:88), termasuk kisah (*La Padoma Énnaja. La Padoma Énnaja*) ‘La Padoma yang Malang’ menceritakan seorang laki-laki bernama La Padoma dengan kekasihnya, yang ditulis dalam metrum *toloq*, iaitu lapan suku kata setiap segmen (Sikki & Sande





1983; Tang 2000). Meskipun tidak selalu jelas, tetapi dapat disimpulkan bahawa menurut Fachruddin, apa yang membentuk kategori *sureq* adalah penceritaan, kebanyakannya fiksi, baik dalam bentuk prosa maupun puisi, yang dilakukan dengan nada yang tertentu. Meskipun banyak *toloq* menceritakan peristiwa sejarah, secara eksplisit Fachruddin menyatakan *toloq* bukanlah sejarah (1999:26).

Sebelum Fachruddin, Christian Pelras telah mengemukakan dikotomi *sureq-lontaraq* secara eksplisit dalam kerangka pengelompokan sastera Bugis. Dalam sebuah artikel tentang sastera Bugis, Pelras mengklasifikasikan sastera tulis Bugis dengan dasar sama ada karya tersebut berirama atau tidak berirama. *Sureq* adalah teks yang bermetrum tetap (1975:245-6), sementara teks prosa pada umumnya disebut *lontaraq* (1975:247). Beberapa tahun kemudian, klasifikasi ini disemaknya semula dengan dinyatakan bahawa hanya karya-karya yang termasuk ke dalam epos *La Galigo* itu disebut *sureq*, sementara tulisan-tulisan lain termasuk *lontaraq*, meskipun dalam teks itu sendiri disebut bahawa mereka termasuk *sureq* (Pelras 1979:279, 1996:30).

Berdasarkan analisisnya pada klasifikasi Fachruddin, Tol (1990:2-4) menyatakan definisinya tentang *sureq* dan *lontaraq*. Menurutnya, *sureq* adalah teks yang dianggap yang “indah”, biasanya bermetrum dan dilakukan dengan nada yang tertentu dengan irungan muzik; sedangkan *lontaraq* umumnya adalah tulisan sejarah berbentuk prosa yang tidak dilakukan, meskipun dapat dibacakan di depan khalayak (1990:3). Tol menambah bahawa *toloq* tidak termasuk *sureq* atau *lontaraq*. *Toloq* terletak antara dua jenis sastera tersebut, kerana dapat dimasukkan ke dalam jenis *sureq* kerana penggunaan bahasa yang bermetrum dan puitis, serta dapat dimasukkan ke dalam jenis *lontaraq* kerana ia adalah tulisan sejarah dan menceritakan kejadian juga tokoh yang nyata (1990:3-4).

Sehubungan itu, perlu dikemukakan dasar perbezaan antara *sureq* dan *lontaraq* berdasarkan aspek keagamaan, dasar pembahagian yang juga diisyaratkan Pelras (1979:280). Menurut Mattulada (1975:19 & 1978:128 n.4) manuskrip *La Galigo* sebenarnya adalah *lontaraq*, tetapi adanya kenyataan bagi sebahagian masyarakat Bugis bahawa teks-teks itu suatu yang suci, maka membuatnya tidak dapat diklasifikasikan sebagai *lontaraq*, kerana *sureq* “dianggap bukan buatan manusia”, sedangkan *lontaraq* “tidak diragukan penciptanya, ialah manusia”. Ada kemungkinan dikotomi yang disebut Pelras itu jelas antara *sureq* dan *lontaraq* di mana hanya teks *La Galigo* yang dimasukkan dalam jenis *sureq*, berdasarkan pendapat yang dikemukakan Mattulada ini. Pelras tidak menjelaskan pendapatnya secara terperinci serta tidak menyebut sumbernya. Pendapat bahawa *La Galigo* bukan ditulis manusia adalah suatu yang tidak umum. Saya tidak pernah menemuinya, selain yang dikemukakan Mattulada. Setiap kali ada perbincangan tentang pengarang *La Galigo*, fokusnya selalu diberi kepada sama ada anak Sawérigading, I La Galigo, adalah pengarangnya atau bukan (Raffles 1817, II:clxxxviii; Dajoh 1957:19;





Nyompa 1992, II:40). Pandangan yang sama disampaikan Johan Nyompa (Nyompa et al. 1988:13; Nyompa 1992, II:41).

Terlepas dari persetujuan bahawa *La Galigo* termasuk ke dalam kategori *sureq*, pengkaji yang telah disebut tadi mempunyai bermacam-macam pendapat dalam membezakan pelbagai jenis sastera tertulis Bugis menurut dikotomi *sureqlontaraq*. Dari perbezaan pendapat itu, ternyata bahawa batasan antara kedua-dua kategori itu tidaklah sejelas yang mereka katakan. Bila meninjau pemakaian istilah-istilah itu dalam manuskrip, istilah tersebut mungkin tidak tepat sama sekali untuk membezakan ragam-ragam sastera dalam teks tertulis. Sering dijumpai perkataan *sureq* untuk jenis teks yang menurut pembahagian seperti yang tersebut di atas seharusnya dikategorikan sebagai *lontaraq*. Misalnya, dalam koleksi Proyek Naskah Universitas Hasanuddin (PNUH) (PaEni et al. 2003), ditemui *Sureq attoriolong ri Boné* “*Sureq* tentang Sejarah Boné” (PNUH 10/10), sebuah tulisan sejarah yang berbentuk prosa, serta *Sureq palakia* “*Sureq* para astrolog” (PNUH 25/35), sebuah kumpulan tulisan tentang hal ghaib dan ramalan. Salah satu versi *Attoriolonna Wajoq*, Sejarah Wajoq, dimulai dengan kata-kata *Ia naé sureq poada-adaé nngi pammulanna Arunngé ri Cinnottabbi* (Ini *sureq* yang menceritakan tentang awal mula para penguasa Cinnottabbi) (Noorduyn 1955:154) dan *Latoa*, sebuah kumpulan pepatah dan nasihat para penguasa dan orang bijak zaman dahulu, dimulai dengan *Ia naé sureq poada-adaé nngi bicaranna Latoa* (Ini *sureq* yang menceritakan tentang nasehat-nasehat Latoa). (Matthes 1864-72, II:1; Mattulada 1985:104). Dalam manuskrip (NBG 120), frasa ini diikuti dengan *lontaraqna tau Ugiqé* (*Lontaraq* orang Bugis) (Mattulada 1985:80). Ada kemungkinan besar kalimat ini dimasukkan penulis manuskrip itu, Colliq Pujié dari Tanété, kerana ia ditulis atas permintaan B. F. Matthes (Matthes 1872:108-9 & 1875:48). Banyak contoh tentang penggunaan istilah *sureq* untuk teks-teks yang dianggap sebagai jenis *lontaraq*. Antara lain lihat PNUH 11/12, 14/18, 20/26, 26/9; Matthes 1864-72, I:537, 571, 581; Mulya 1985/1986:1; Hidayah (ed.) 1992/1993:9; Caldwell 1988:106. Matthes menerjemahkan judul bukunya *Boegineesche Chrestomathie* (1864-72), sebuah antologi teks-teks Bugis, menjadi *Ia naé sureq Ugiq sakkeq rupa* dalam bahasa Bugis, yang bererti “Ini adalah berbagai macam *sureq* Bugis”. Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin dari Boné (berkuasa pada tahun 1775-1812) menyebut catatan hariannya sebagai *sureq bilang* (Omar 2003:31). Di satu pihak yang lain, perkataan *lontaraq* agak jarang digunakan untuk memulakan atau membuka sebuah teks. Ada beberapa contoh ditemui dalam buku Caldwell (1988:38) *Panessaé nngi lontaraqna manurunngé Simpurusia* (Ini menyajikan tulisan [*lontaraq*] tentang keturunannya yaitu Simpurusia), dan Caldwell (1988:151) *Naripammula riokiq lontaraq attoriolonngé ri essona Isnaineq* (Penulisan kronik itu dimulai pada hari Isnin), dan CCM 10/3 *Salamaq. Ia naé lontaraq attoriolonngé mula ritimpagna Wajoq* (Ini adalah kronik tentang munculnya Wajoq). Dalam satu kes, sebuah teks *La Galigo* dimulai dengan kata-kata *Iaé lontaraqna Apunna [sic] Wareq, sureq selléang asenna* (Ini adalah *lontaraq*



Opunna Wareq, yang disebut *sureq* berlagu) (SK 14). Seringkali pembukaan sebuah teks hanyalah dengan *Ia naé poada-adaé nngi ...* (Inilah yang ceritakan ...), atau *Pasaleng panessaé nngi ...* (Inilah yang menjelaskan ...). (Matthes 1864-72, I:465; Ahmad Yunus 1991/1992:16). Lain lagi, sebuah teks dapat dimulakan dengan sebuah dongeng, *pau* atau *pau-pau*, sebuah cerita, *carita* atau *rampé-rampé*. Misalnya, *Ia naé poada-adaé pau-paunna Sulettanuleq Injilai* (Inilah yang menceritakan kisah Sultan Injilai) (Matthes 1864-72, I:28), dan *Ia naé riaseng caritana I Masé-Masé* (Inilah yang disebut sebagai cerita I Masé-Masé) (SK 26) (Sikki (ed.) 1977:1). Kronik biasanya dipersembahkan sebagai *attoriolong* (yang berhubungan dengan nenek moyang) (Matthes 1864-72, I:502, 520).

Jadi, jelaslah bahawa makna perkataan *sureq* secara tradisional tidaklah terbatas kepada teks-teks yang dapat digambarkan sebagai sastera yang indah dan murni, sementara *lontaraq* jarang muncul sebagai istilah yang mengacu kepada teks yang tertentu. Dalam kamus Bugis-Belandanya (1874), Matthes memberi makna *sureq* sebagai “tulisan [Belanda *geschrift*], surat”,² dan *lontaraq* sebagai “digunakan untuk palem lontar, *Borassus flabelliformis*, yang daunnya digunakan untuk ditulisi menggunakan kalam; kerana itu digunakan juga untuk daun lontar; juga tulisan [Belanda *een geschrift*], buku, surat”. Dalam lampiran kamusnya (Matthes 1889), dua sinonim perkataan ‘abjad’ adalah *ina sureq* dan *ina lontaraq*. Jadi, istilah-istilah itu jelas mempunyai makna yang hampir sama. Selain dipakai istilah *lontaraq* yang mengacu kepada lontar dan daunnya, perbezaan utamanya adalah adanya makna “buku” untuk *lontaraq*, yang tidak disebut untuk istilah *sureq*. Sementara itu, dalam kamus Bugis-Indonesia yang disusun Ide Said (1977), perbezaannya lebih tidak jelas. Terdapat makna “buku” dan “surat” untuk kata *sureq*, sementara *lontaraq* diterjemahkan sebagai “lontar” dan “naskah-naskah dalam bahasa Bugis-Makassar yang ditulis dengan huruf Lontarak”. Namun demikian, dalam dua contoh itu terlihat bahawa istilah itu lebih merujuk kepada objek fizikal di mana teks ditulis, sementara rujukan kepada teks yang tertentu dengan isinya merupakan tambahan sahaja. Tidak ada petunjuk baik *sureq* atau *lontaraq* merujuk kepada kategori, jenis sastera atau teks yang tertentu.³ Kedua-dua istilah itu kerap digunakan secara bergantian, seperti *sureq bilang* (Matthes 1943:211; Cense 1966:425) dan *lontaraq bilang* (Matthes 1874:sv *lontaraq*) “catatan harian”. Andi Zainal Abidin (1999:4-5) menggunakan istilah *sureq attoriolong* dan *lontaraq attoriolong* untuk kronik dan menjelaskan Bugis *sureq allaorumang* dalam bahasa Indonesia sebagai “lontaraq pertanian”. Dalam kolofon sebuah manuskrip yang mengandungi berbagai tulisan sejarah, manuskrip itu merujuk kepada kedua-dua istilah, iaitu *sureq lontaraqna tana Ugiq* “lontaraq *sureq* tanah Bugis” (LC Bugis 6, cited in Tol 2003:71).

Andi Zainal Abidin (1983:108 & 1999:4, 65) mencatat bahawa sebahagian masyarakat Bugis berpendapat *sureq* adalah istilah yang muncul lebih awal daripada *lontaraq*. Ini disebabkan *lontaraq* adalah kata pinjaman dari bahasa





Jawa, sedangkan *sureq* berasal dari bahasa proto-Sulawesi Selatan *sura(t), yang selanjutnya berasal dari bahasa proto-Austronesia *surat “menulis” (Mills 1975:833). Istilah bahasa Jawa *lontar* “daun palmyra” adalah sebuah bentuk metatesis dari *ron* “daun” dan *tal* “palem palmyra”. Dalam bahasa Bugis, “daun palmyra” akan menjadi *raung taq* atau *daung taq*. Istilah ini mungkin masuk ke dalam bahasa Bugis secara langsung melalui bahasa Melayu dan bahasa Makasar. Kedua-dua istilah itu mempunyai makna dasar yang sama, iaitu manuskrip tertulis, baik kodeks atau manuskrip daun lontar. Selain mempertahankan makna asalnya, istilah *sureq* mempunyai makna tambahan, iaitu tulisan sebagai suatu karya atau teks yang tertentu, seperti pada contoh-contoh di atas. Secara tradisional, makna *lontaraq* tidak merujuk kepada karya-karya tertentu, atau hanya merujuk kepada hal yang sangat terbatas; istilah ini secara umum merujuk kepada sebuah kodeks⁴ dalam bentuk fizikalnya, yang dapat memuat satu atau lebih teks atau karya. Manuskrip lama yang mengandungi episod dari *La Galigo* biasanya disebut *lontaraq*. Sejenak mengabaikan manuskrip kuno yang mengandungi bahan *La Galigo* (kerana pada umumnya manuskrip itu tidak mengandungi bahan lain), sebuah manuskrip lama “*lontara khas*” terdiri daripada pelbagai hal yang berbeza-beza (Macknight 1984:105). Jadi, istilah *lontaraq* mungkin telah diberi konotasi yang lebih umum, iaitu “tulisan khas yang ada pada sebuah naskah kuno” tanpa merujuk kepada karya-karya dan kategori yang tertentu. Memperkatakan tulisan mengenai sejarah Bugis dan Makasar, dan merujuk kepada catatan harian, kronik dan kumpulan tulisan daripada beraneka ragam jenisnya, A. A. Cense (1951:42-3) mendapati bahawa “untuk semua tulisan itu [Belanda *geschriften*], digunakan istilah pinjaman *lontaraq*, sebuah kata yang secara umum dapat merujuk pada karya tulis apapun, tetapi digunakan secara jelas dan khusus untuk jenis naskah dengan muatan sejarah”. Dalam artikelnya yang lain, Cense (1966:425) menyebut catatan harian sebagai *sureq bilang*.

Sampai di sini boleh dirumuskan secara tradisional bahawa istilah *sureq* dan *lontaraq* mengandungi nilai semantik yang sama, iaitu sarana menulis fizikal, baik kodeks atau manuskrip daun lontar. *Sureq* juga mempunyai konotasi “tulisan sebagai sebuah komposisi, sebuah teks khusus”, sementara *lontaraq* dalam arti yang lebih khusus mempunyai konotasi “sebuah kodeks yang mengandung pelbagai jenis teks (seringkali merupakan tulisan sejarah atau sesuatu yang praktikal, tetapi tidak terbatas pada itu)”. Dikotomi *sureq-lontaraq* sebagai sebuah model klasifikasi ragam sastera dalam karya tulis Bugis, seperti yang diperkenalkan pada tahun 1970-an dan kemudian menarik perhatian ramai sarjana, jika tidak boleh disebut kesemua mereka, ternyata tidak mendapat dukungan dari tradisi itu sendiri mahupun oleh kajian-kajian ilmiah sebelumnya. Dikotomi ini nampaknya muncul dari keinginan penyelidik untuk mengklasifikasi jenis-jenis tulisan, bahkan ketika masyarakat Bugis merasa tidak memerlukannya. Meskipun tidak dinyatakan secara eksplisit, dikotomi ini ternyata adalah berdasarkan perbezaan sistem Barat antara sastera sebagai *belles*



lettres – Literature dengan L huruf besar – pada satu sisi dan prosa faktual, jujur dan seringkali bersifat bukan fiksi pada sisi lain.

TOLOQ DAN SASTERA TRADISIONAL JENIS LAIN

Jikalau istilah *sureq* dan *lontaraq* secara nyata tidak merujuk kepada pengelompokan tradisional karya tulis Bugis, maka boleh dipertanyakan apakah pada kenyataannya ada ungkapan lain yang merujuk kepada pengelompokan tradisional. Seperti yang telah disebut sebelum ini, kadang kala istilah lain telah digunakan pada pembukaan teks-teks yang tertentu, iaitu istilah yang juga merujuk kepada penceritaan yang disampaikan secara lisan. Perbezaan antara istilah-istilah itu nampaknya samar-samar, seperti *sureq* and *lontaraq*. Ilustrasi yang baik adalah pada *Toloq Rumpaqna Boné* (Akhmar 2003), di mana pada pengantar prosanya, teks *toloq* itu dinyatakan sebagai *sureq* (b. 1), *pau-pau* (bb. 16, 23) dan juga *carita* (b. 28). Seuhungan itu, *Toloqna Arung Labuaja* diperkenalkan pengarangnya sebagai *pau-pau* (Tol 1990:136). Cerita tentang kucing belang dinyatakan sebagai *Ia naé galigona méong mpalo bolonngédé, rampé-rampéna cokié* (*galigo* kucing belang hitam, kisah seekor kucing) (Salim 1972:1; Rahman 1990:150). Manuskip yang mengandungi bahan *La Galigo* mempunyai pengantar yang menyatakan isinya adalah *carita* (KITLV Or. 367), *galigo* (Kern 1939:970; Ms. Schoemann VI.11)⁵, atau sebagai sebuah *téreng* “episod” (CCM 11/7). Dalam surat kepada Matthes, Colliq Pujié, ibu dari ratu Tanété, menyatakan teks *La Galigo* sebagai *bicaranna Sawérigading* (kata-kata Sawérigading) (Matthes 1864-72, II:249), atau sebagai *Sureq Galigoé* (Matthes 1864-72, II:226). Istilah *bicaranna* juga digunakan, misalnya dalam pengantar *Latoa* (Matthes 1864-72, II:1; Mattulada 1985:104). Ungkapan *pau-pau, rampé-rampé, carita* sepertinya mempunyai makna umum “cerita, narasi”, dan tidak merujuk kepada kategori yang tertentu. *Téreng* mengacu kepada sebuah episod dalam *La Galigo*, sementara *bicara* nampaknya hanya merujuk kepada kata-kata atau ucapan manusia. Kata *galigo* mempunyai beberapa makna yang berbeza. Kata itu boleh bermakna penceritaan (misalnya, kisah tentang kucing belang atau boleh juga sebuah teks *La Galigo*). Di wilayah Wajoq, *galigo* adalah istilah umum untuk apa yang di wilayah Bugis lain di Sulawesi Selatan disebut *élong*, iaitu puisi tiga seuntai bukan-narasi. Sementara teks yang termasuk ke dalam *La Galigo* di wilayah itu disebut sebagai *sureq selléang* (*sureq* berlagu), atau *carita Sawérigading* (Kisah Sawérigading). Istilah *galigo* jarang dipakai dengan makna “cerita”, dan dalam kes itu ia mengacu kepada teks yang bermetrum. Chandra (1970:71) menyebut *Galigona La Menrurana* sebagai sebuah *toloq* dengan Arung Palakka sebagai tokoh utamanya, yang tidak sesuai dengan pendapatnya sendiri bahawa teks ini biasanya dibaca dalam majlis perkahwinan. Pendapat Chandra ini makin memperkuat bahawa *Galigona La Menrurana* adalah sebuah teks *La Galigo*.





Sementara kumpulan sastera Bugis, baik yang bertulis atau yang lisan, nampaknya menolak adanya pembahagian jenis karya yang berbeza-beza secara jelas dalam kategori yang lebih luas, terdapatlah batasan yang jelas dari kategori-kategori yang tertentu. Misalnya, *attoriolong* adalah kronik yang ditulis dalam bentuk prosa mengenai sejarah kerajaan yang tertentu, seputar silsilah keluarga kerajaan. *Élong* (disebut sebagai *galigo* di daerah Wajo) adalah puisi tiga seuntai bukan-narasi dan *sureq bilang* (atau *lontaraq bilang*) adalah catatan harian. Untuk satu kategori, ada beberapa ketidakjelasan, iaitu *toloq* yang biasanya diterjemahkan menjadi “puisi kepahlawanan”. *Toloq* adalah puisi cerita yang disusun dengan menggunakan lapan suku kata per segmen (oktosilabis) dan menggunakan bahasa sastera yang banyak kesamaan dengan bahasa yang digunakan dalam teks *La Galigo* (lihat di bawah). Pakar teks *toloq*, Roger Tol, juga menyatakan bahawa isinya bersifat “sejarah-kepahlawanan” (1990:20). Akan tetapi, Matthes memasukkan tipe puisi penceritaan yang bersifat lain bermetrum oktosilabis ke dalam kategori *toloq*. Dalam kamusnya (1874), Matthes mendefinisikan *toloq* sebagai sejenis puisi, kadangkala berupa lagu kepahlawanan, kadangkala bersifat romantis, kadangkala bersifat erotis. Dalam ulasan atas terbitannya *Ménrurananana Petta Malampéqué Gemmeqna* (*Ménrurana* Raja Berambut Panjang) dia menyajikan penjelasan yang lebih terperinci, dengan menyatakan bahawa sajak itu:

termasuk dalam *toloq*, iaitu semacam sajak panjang, seperti *syair* Melayu, yang kadangkala mengandung sifat kepahlawanan [...], kadangkala bersifat romantis, kadangkala bersifat erotis, dan juga bersifat lain. Irama *toloq* ini selalu terdiri dari larik-larik oktosilabis dengan penekanan pada pada suku kata kedua sebelum akhir, serta larik-larik heptasilabis dengan penekanan pada suku kata terakhir (Matthes 1872:248).

Sesuai dengan definisi itu, dia mengklasifikasikan kisah kucing belang yang disusun dalam metrum oktosilabis sebagai *toloq* (Matthes 1875:70). Namun, teks-teks oktosilabis lain tidak secara eksplisit telah dikategorikan dalam *toloq*, umpamanya *Sureq Baweng* (Matthes 1872:138-9 & 1875:60).

Jikalau keterangan Matthes tentang *toloq* diambil sebagai titik pangkal dan jika metrum oktosilabis dan pemakaian bahasa sastera dianggap sebagai ciri penentu teks *toloq*, maka karya-karya yang disebut tadi termasuk cerita *La Padoma Énnaja*, *Méong mpalo karellaé* dan *Sureq Manajéng To Gaggana Tana Wajo* (Palippui et al. 1993/1994) seharusnya diklasifikasikan sebagai *toloq*. Istilah *sureq manajéng* mungkin diambil dari nama penulis yang terkenal yang telah hidup pada awal abad ke-20, iaitu I Mallaq Daéng Mabéla Arung Manajéng, dengan karyanya antara lain *Toloq Rumpaqna Boné* dan *Toloqna Arung Labuaja* (Tol 1990:35-7). Menurut Palippui et al. (1993-1994:4) *manajéng* adalah sebuah karya sastera Bugis yang mengarah kepada *roman* dan ditulis dalam metrum oktosilabis, seperti sebuah *toloq* atau *Méong Mpalo Karellaé*. Dalam hal ini, tradisi tidak banyak membantu, kerana sepengetahuan saya tidak ada teks yang menyebut dirinya sebagai *toloq*. Persamaan antara teks-teks tersebut, selain



metrum dan bahasa, jika dibandingkan dengan dua kategori utama cerita tulis, iaitu *La Galigo* dan kronik, *attoriolong*, adalah mereka tidak berdasarkan silsilah (Tol 1996:230). *Toloq* boleh berbentuk biografi (misalnya, *Toloqna Arung Labuaja*, *Ménruranana Petta Malampéqué Gemmeqna* dan *La Padoma Énnaja*), atau menjelaskan kejadian yang tertentu dalam jangka waktu yang tertentu (tetapi tidak selalu pendek) (*Toloq Rumpaqna Boné*, *Toloqna Daéng Kalebbuq*, *Sureq Baweng* dan *Sureq Manajéng To Gaggana Tana Wajo*) (Tol 1990:20). Salasilah yang menjadi kerangka *La Galigo* dan *attoriolong* yang sangat penting untuk otoritas teks itu tidak ditemui dalam teks *toloq*. Contoh yang sangat jelas ialah pengarang Arung Manajéng memasukkan maklumat sejarah dan salasilah yang berfungsi sebagai latar belakang *Toloq Rumpaqna Boné* ke dalam pengantar yang berbentuk prosa (Akhmar 2003:36-45). Arung Manajéng melakukan hal yang sama dengan perkataan yang lebih pendek dalam prosa pengantar *Toloqna Arung Labuaja*, di mana dia menyajikan kisah tentang keturunan sang pahlawan (Tol 1990:136).

Puisi-puisi kepahlawanan yang sering dikenali secara eksklusif sebagai *toloq*, mempunyai ciri yang membezakannya dari *toloq* bukan-kepahlawanan dan mengarahkan kepada label lain yang mungkin lebih tepat. Semua *toloq* sejarah kepahlawanan dimulai dan menunjukkan pemakaian formula *makkedi la ménrurana* (*ménrurana* berkata), sebuah formula yang tidak ditemui dalam *toloq* non-kepahlawanan⁶ secara berlimpah dalam keseluruhan teks. *Ménrurana* yang dalam kamus Matthes (1874) hanya dijelaskan sebagai kata Bugis Kuno untuk “penguasa, raja” itu umumnya digunakan untuk puisi kepahlawanan yang paling terkenal, iaitu *Ménruranana Petta Malampéqué Gemmeqna* yang menceritakan petualangan penguasa Boné yang paling terkenal, Arung Palakka (c. 1635-1696), tetapi dapat juga merujuk kepada *toloq* kepahlawanan yang lain (Fachruddin 1999:79; Tol 1990:20). Jadi mungkin secara tradisi, *ménrurana* adalah istilah yang paling tepat untuk syair kepahlawanan dan sebagai bentuk sub-kategori dalam kategori yang lebih luas daripada *toloq*, sajak naratif oktosilabis. Oleh sebab *toloq* kepahlawanan membentuk sebahagian besar syair oktosilabis, maka istilah *toloq* digunakan juga dengan makna *toloq* kepahlawanan yang lebih terbatas di mana istilah *ménrurana* sebenarnya akan lebih tepat. Pengarang Bugis, Daéng Mamangung, sekitar tahun 1850, menulis tentang *toloq* yang “cocok dinyanyikan selama perang karena bisa membuat hati kuat dan mantap” (Tol 1990:33). Jadi, nampaknya dia juga menganggap istilah *toloq* terutamanya sebagai *toloq* kepahlawanan.

TOLOQ: OTORITAS DAN/ATAU PUISI?

Untuk menyimpulkan pembahasan tentang ragam-ragam kesusastraan Bugis, analisis Tol bahawa *toloq* (dalam pengertiannya, *toloq* kepahlawanan) adalah ragam sastera Bugis yang tak tertandingi, maka perlu diperkatakan. Hujahnya



ialah *toloq* terletak antara teks puisi *La Galigo* dan teks prosa *attoriolong*, sebuah kronik. *Toloq* adalah kategori pertengahan antara *sureq* dan *lontaraq* dan memiliki ciri kedua-duanya (Tol 1990:30-2 & 1996:228-30). Seperti telah ditunjukkan di atas, dikotomi *sureq-lontaraq* tidak ada dalam tradisi kesasteraan Bugis. Walaupun tidak dapat disangkal bahawa *toloq* kepahlawanan sangat banyak menggunakan idiom sastera seperti yang ditemui dalam *La Galigo*, bahasa yang digunakan dalam *toloq* juga menunjukkan perbezaan yang jelas dengan bahasa dalam *La Galigo*.

Perbezaan penggunaan bahasa yang nyata adalah sering dipakainya kata pinjaman dari bahasa Eropah, dan Arab. Misalnya, *koronéliq* (kolonel), *kompania* “perusahaan (pemerintah Hindia Belanda)”, *sorodadu* (serdadu), *kadéra* (kursi) *lantéra* (lentera). Kebanyakan istilah itu merujuk kepada konsep atau objek baru yang diperkenalkan di dunia Bugis. Konsep-konsep yang ada sebelumnya dapat juga disampaikan dengan kata-kata yang baru, misalnya *karéba* (berita) untuk *biritta*, *pikkiriq* (pikir) untuk *mannawa-nawa*, *pahang* (mengerti) untuk *isseng*, atau *bandéra* (bendera, banner) untuk *tanra-tanra* atau *tompiq*. Dalam banyak kes, kata-kata yang kerap muncul dalam teks *La Galigo* tidak ada sama sekali dalam *toloq*, misalnya *joncongeng* (perahu); sementara kata umum untuk istilah kapal, *lopi*, yang tidak dipakai *La Galigo*, sering muncul dalam *toloq* dengan kata pinjaman *kappalaq*. Pengisi matra (*metric filler*) *lé*, kata yang paling umum dalam *La Galigo*, tidak muncul dalam *toloq*; sementara itu, pengisi matra yang paling sering muncul dalam *toloq*, iaitu *béla* atau *la béla*, jarang dipakai dalam *La Galigo*. *Toloq* nampaknya juga mempunyai ungkapan yang khusus. Misalnya, *pabbaju éja* untuk “gadis-gadis cantik”. Ungkapan itu tidak ditemui dalam teks *La Galigo*, sementara ungkapan yang lebih kurang sama maknanya, *ati goari* (inti ruangan) dan *liseq sinrangeng* (penumpang tandu) tidak muncul dalam *toloq*. Perbezaan lain antara teks *toloq* dan teks *La Galigo* ialah dalam *toloq* penggunaan sinonim adalah lebih terbatas. Misalnya, istilah Bugis Kuno untuk emas, *sodda*, banyak ditemui dalam *La Galigo*, tetapi tidak terdapat dalam *toloq*. Meskipun ini bukanlah perbandingan yang lengkap tentang kosa kata dalam teks *toloq* dan *La Galigo*, tetapi cukup menunjukkan perbezaan penting antara bahasa yang dipakai dua ragam sastera ini. Dalam banyak hal, kedua-duanya memakai leksikon yang sama, walaupun masing-masing memakai gaya yang sebahagian besarnya yang berbeza. Kajian yang lebih lanjut diperlukan untuk menemui hubungan antara bahasa yang dipakai kedua-dua kategori ini dan juga karya-karya puitis Bugis yang lain. Nampaknya ada beberapa perbezaan sehingga tidak tepat jika dianggap jenis-jenis bahasa yang dipakai dalam puisi Bugis dapat digolongkan dalam satu jenis bahasa sahaja (Tol 1990:7).

Hal pokok kesejarahan dalam *toloq* dan *attoriolong* juga berbeza antara satu dengan yang lain. *Attoriolong*, pada dasarnya adalah pengembangan dari inti silsilah. Tol (1990:31) mendapati tidak ada salasilah yang panjang dalam *toloq* jikalau dibandingkan dengan kronik. Namun, dia tidak memperkatakan





perbezaan struktural bahawa berlawanan dengan *toloq*, pada dasarnya kronik salasilah adalah kerangka yang menjadi inti cerita. Salasilah itu terurai dalam keseluruhan penceritaan dan pada dasarnya menjadikan teks-teks ini sumber kewibawaan dalam komuniti sebuah kerajaan atau pemerintahan dan silsilah-silsilah itulah yang mendukung posisi berkuasanya keluarga raja. Sumber kewibawaan yang berdasarkan salasilah yang tepat yang dimiliki *attoriolong* dan *La Galigo* pada intinya tidak lebih dari salasilah yang diperkembangkan. Dilihat dari sudut itu, *La Galigo* dan *attoriolong* mempunyai struktur yang lebih kurang sama jika dibandingkan dengan *toloq* kepahlawanan, yang seakan-akan sengaja menghilangkan rujukan silsilah dalam teksnya. Misalnya, *Toloq Rumpaqna Boné* dan *Toloqna Arung Labuaja* di atas. Keturunan *adiluhung* adalah sumber kekuasaan. Hal ini berlaku tidak hanya dalam karya sastera Bugis, tetapi juga dalam kehidupan sehari-hari. Dari sisi ini, boleh ditanyakan apakah *toloq* benar-benar merupakan teks berwibawa seperti dinyatakan Tol (1990:30-1), atau mungkin teks-teks itu sengaja menolak untuk menjadi berwibawa? Membahas kehidupan individu pahlawan atau peristiwa yang tertentu tidak lebih dari satu generasi, pengarang *toloq* kepahlawanan menghindari keterikatan akan ketepatan silsilah dan sejarah, sehingga bebas mengemukakan pandangan dan interpretasi mereka atas pelaku dan peristiwa sejarah. Ternyata *toloq* tidak bersifat berwibawa tetapi anti-berwibawa, atau mungkin anti-tradisional. Berbeza dengan pengarang karya-karya tradisional seperti *La Galigo* dan kronik yang bersifat anonim, hampir semua pengarang *toloq* kepahlawanan diketahui namanya. Walaupun mengabaikan aturan-aturan pengarangan sastera tradisional, dan pada saat yang sama menggunakan teknik-teknik sastera tradisional, masing-masing pengarang boleh menyampaikan cerita yang berbeza dengan sejarah yang ada, tetapi juga cukup mirip untuk diterima masyarakat tradisional, penguasa dan masyarakat umum. Misalnya, dalam masyarakat Melayu, *Hikayat Abdullah* menunjukkan ditinggalkannya sastera tradisional murni dan munculnya sastera Melayu moden, dengan pengarangnya menikmati khayalan di dalam teks. Sayangnya, dan tidak seperti Munshi Abdullah di Melaka, pengarang *toloq* belum mempunyai penerus yang banyak, dan sastera Bugis "moden" tidak pernah menandingi tingkat awal *toloq*. Sastera Bugis, baik yang berbentuk *toloq*, *sureq*, *lontaraq*, atau jenis lain, telah menjadi sebahagian dari sejarah masa lalu, atau seperti dikatakan La Side (1968:67) telah "digidungtajkan".

NOTA

1. Di sini, Fachruddin menyebut sebuah *Sureq Baweng* 'Kisah Burung Bayan', yang berdasarkan kisah Melayu, *Hikayat Bayan Budiman* yang berasal dari bahasa Parsi, *Tuti-nama* 'Kisah Seekor Burung Nuri' dan karya Sanskrit *Sukasaptati* 'Tujuh Puluh Kisah Seekor Burung Nuri'. Judul *Sureq Baweng* biasanya mengacu kepada sebuah karya tulis asli Bugis kecuali ia mempunyai tokoh utama seekor burung nuri, yang tidak ada hubungan dengan karya Melayu atau Parsi. Perbezaan yang



paling jelas adalah *Sureq Baweng* bukanlah cerita berbingkai. Terdapat beberapa teks dalam bahasa Bugis berdasarkan *Hikayat Bayan Budiman*. Misalnya, manuskrip NBG 90, yang dimulai dengan kata-kata *Panessaé nngi bicaranna datunna bawenngé kuaé to ppa bicaranna saodagaraq monroé ri wanua riasenngé ri Yamang* “Ini menyajikan ungkapan raja para burung nuri dan juga ungkapan para saudagar dari negeri yang disebut Yaman”. (Van den Adel 1991; Matthes 1872:138-9; Winstedt 1996; Simsar (ed.) 1978.)

2. Contoh lain adalah *sureq lopi* ‘surat ijin kapal laut’.
3. Bahasa Belanda *geschrif* dapat merujuk baik kepada objek fizikal ataupun isi tulisan.
4. Tidak diketahui apakah pada masa lalu kata *lontaraq* pernah secara khusus merujuk pada tulisan di daun lontar. Paling tidak, sejak abad ke-19, bahasa Bugis dan Makasar – bahasa Makasar mempunyai dua istilah yang hampir sama untuk karya tulis, iaitu *suraq* dan *lontaraq* – mempunyai istilah-istilah khusus untuk naskah daun lontar yang membezakannya dengan manuskrip yang ditulis pada kertas iaitu *sureq daung taq* (Matthes 1874) atau *lontaraq daung taq* (Cense 1951:42 n.3) dalam bahasa Bugis atau (*lontaraq*) *lékoq balloq* dalam bahasa Makasar (Matthes 1885; Cense 1951:42 n.3, 1979); *daung taq* (Bg) and *lékoq balloq* (Mk) keduanya mempunyai arti “daun lontar”.
5. Kern (1939:970 n.1) berpendapat bahawa penggunaan perkataan *galigo* adalah ‘sesuatu yang aneh’, dan dia hanya menemuinya dalam beberapa manuskrip di koleksi Schoemann.
6. Varian *ménrirana* dan *ménrarana* juga sering muncul (Tol 1990:20). Pemakaian *ménrarana* (dan bukan *ménrurana*) disebabkan keinginan untuk menghindari asosiasi *ménrurana* dengan perkataan yang sangat kasar *ménruq* ‘berhubungan seksual’. Pengecualian pada aturan bahawa formula *makkedi la ménrurana* sering sekali muncul dalam *toloq* kepahlawanannya adalah *Toloqna Musuq Boné* di mana formula itu tidak ada sama sekali (Matthes 1862; Tol 1990:34).

RUJUKAN

Manuskrip

CCM	Mikrofilm yang dibuat oleh C.C. Macknight in 1971; salinannya di Leiden University Library
KITLV	Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde, Leiden
LC	Library of Congress, Washington D.C.
NBG	Koleksi Nederlands Bijbelgenootschap, pinjaman tetap di Leiden University Library
PNUH	Mikrofilm Proyek Naskah Universitas Hasanuddin, Makassar
SK	Fotokopi manuskrip Koleksi Sirtjo Koolhof

SUMBER TERCETAK

- Adel, Edith van den. 1991. *Sureq Baweng*. MA.thesis. Leiden University.
Ahmad Yunus, H. et al. 1991/1992. *Lontarak Luwu Daerah Sulawesi Selatan*. S.l.: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
Akhmar, Andi M. 2003. *Toloq Rumpaqna Boné: Edisi Teks dan Kajian Kesastraan*. Makassar: Masagena Press.



- Caldwell, Ian. 1988. *South Sulawesi A.D. 1300-1600; Ten Bugis Texts*. Ph. D thesis Canberra: Australian National University.
- Cense, A. A. 1951. Eenige Aantekeningen over Makassaars-Boeginese Geschiedschrijving. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 107: 1-19.
- _____. 1966. Old Buginese and Macassarese Diaries. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 122: 416-28.
- Chandra, Indra. 1970. Persadjakan Ditanah Bugis. *Bingkisan* 3-5/6: 70-83.
- Dajoh, M. R. 1957. Memperkenalkan: H. S. Daeng Moentoe: Tokoh Sastera, Agama dan Politik di Sulawesi. *Lagaligo* 1-5/6: 19-20.
- Fachruddin A. E. 1983. *Ritumpanna Wélenrénnge; Telaah Filologis Sebuah Episode Sastera Bugis Klasik Galigo*. Ph. D. thesis Universitas Indonesia.
- _____. 1999. *Ritumpanna Wélenrénnge; Sebuah Episode Sastra Bugis Klasik Galigo*. Jakarta: École Française d'Extrême-Orient/Fakultas Sastra Universitas Indonesia/Yayasan Obor. (Naskah dan Dokumen Nusantara Seri 14).
- Hidayah, Zulyani (ed.) 1992/1993. *Lontarak Soppeng*. S.I: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Ide Said D. M., M. 1977. *Kamus Bahasa Bugis-Indonesia*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Kern, R. A. 1939. *Catalogus van de Boegineesche, tot den I La Galigo-cyclus Behoorende Handschriften der Leidsche Universiteitsbibliotheek Alsmede van die in Andere Europeesche Bibliotheken*. Leiden: Universiteitsbibliotheek.
- Leyden, John. 1811. On the Languages and Literature of the Indo-Chinese Nations. *Asiatic Researches* 10: 158-289.
- Macknight, C. C. 1984. The Concept of a «Work» in Bugis Manuscripts. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs* 18: 103-14.
- Matthes, B. F. 1862. *Boegineesch-Beldendicht op den Eersten Bonischen Veldtogt van 1859*. Makassar: Eekhout.
- _____. 1864-72. *Boeginesche Chrestomathie*. Makassar: Sutherland, Amsterdam: Spin. 2 jilid.
- _____. 1872. *Aanteekeningen op de Boeginesche Chrestomathie*. Amsterdam: Spin.
- _____. 1874. *Boegineesch-Hollandsch Woordenboek met Hollandsch-Boeginesche Woordenlijst en Verklaring van een tot Opheldering Bijgevoegden Ethnographischen atlas*. s-Gravenhage: Nijhoff.
- _____. 1875. *Kort Verslag Aangaande alle mij in Europa Bekende Makassaarsche en Boeginesche Handschriften, Vooral die van het Nederlandsch Bijbelgenootschap te Amsterdam*. Amsterdam: Nederlandsch Bijbelgenootschap.
- _____. 1885. *Makassaarsch-Hollandsch woordenboek, met Hollandsch-Makassaarsche Woordenlijst, en Verklaring van een tot Opheldering Bijgevoegden Ethnographischen Atlas*. s-Gravenhage: Nijhoff.
- _____. 1889. *Supplement op het Boegineesch-Hollandsch Woordenboek*. 's-Gravenhage: Nijhoff.
- _____. 1943. Beknopt Verslag van een Paar Tochten in de Binnenlanden van Celebes, gedurende de jaren 1857 en 1861. Dlm. Dr. Benjamin Frederik Matthes; *Zijn Leven en Arbeid in Dienst van het Nederlandsch Bijbelgenootschap*, H. van den Brink (ed.). 189-220. Amsterdam: Nederlandsch Bijbelgenootschap.



- Mattulada. 1975. *Latoa: Satu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*. Ph. D. thesis Universitas Indonesia.
- _____. 1978. Pre-islamic South Sulawesi. Dlm. *Dynamics of Indonesian History*, Haryati Soebadio & Carine A. du Marchie Sarvaas (ed). 123-40. Amsterdam: North-Holland.
- _____. 1985. *Latoa: Satu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mills, Roger F. 1975. *Proto South Sulawesi and Proto Austronesian Phonology*. Ph. D. thesis University of Michigan.
- Mulya, Abdul Kadir. 1985/1986. *Surek Panngajakna Nabitta Muhammad SAW*. Jakarta: Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Noorduyn, J. 1955. *Een Achttiende-eeuwse Kroniek van Wadjo'; Buginese Historiografie*. s-Gravenhage: Smits.
- Nyompa, H.M. Johan et al. 1988. *Peperangan Karaeng Tompo Dengan La Galigo di Cina: Suatu Studi Terhadap Naskah Klasik I La Galigo*. Ujung Pandang: Fakultas Adab IAIN Alauddin.
- Nyompa, Johan. 1992. *Mula Tau: Satu Studi tentang Mitologi orang Bugis*. Ujung Pandang: Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Hasanuddin.
- Omar, Rahilah. 2003. *The History of Boné A.D. 1775-1795: The Diary of Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin*. Ph. D. thesis University of Hull.
- Palippui, H., Muhammad Hatta & Aminuddin Palippui. 1993/1994. *Surek Manajeng, Togaggana Tana Wajo: Transliterasi dan Terjemah Naskah Tua*. Sengkang: Pemerintah Daerah Tingkat I Sulawesi Selatan.
- PaEni, Mukhlis et al. 2003. *Katalog Induk Naskah-Naskah Nusantara; Sulawesi Selatan*. Jakarta: Arsip Nasional Republik Indonesia.
- Pelras, Christian. 1975. Introduction la Literature Bugis. *Archipel* 10: 239-67.
- _____. 1979. L'oral et l'ecrit dans la tradition bugis. *Asie du Sud-Est et Monde Insulindien* 10-2,3,4: 271-97.
- _____. 1996. *The Bugis*. Oxford (Mass): Blackwell. (*The peoples of South-East Asia and The Pacific*).
- Raffles, Thomas Stamford. 1817. *The History of Java*. London: Black, Parbury and Allen/Murray. 2 vols.
- Rahman, Nurhayati. 1990. Episode Meong Palo Bolonge. Dlm. *La Galigo: Satu Kajian Filologi Sastra Bugis Klasik*. Tesis S2 Universitas Padjadjaran.
- _____. 1998. *Sompeqna Sawérigading lao ri Tana Cina: Episode Pelayaran Sawérigading ke Tanah Cina - Analisis Filologi dan Semiotik I La Galigo*. Ph. D thesis Universitas Indonesia.
- Salim, Muh. 1972. *Pangajaqna Méompalo*. S.l: Kantoroq Pembinaan Kebudayaan Kabupaten Sidenreng Rappeng.
- Side, La. 1968. Akan Kita Gedung Artja-Kankah Bahasa Bugis? *Bingkisan Jajasan Kebudajaan Sulawesi Selatan dan Tenggara* 2-1: 62-71.
- Sikki, Muhammad (ed.). 1977. *Terjemahan Beberapa Naskah Lontara Bugis*. S.l.: Proyek Pengembangan Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sikki, Muhammad & J. S. Sande (ed). 1983. *Cerita Lapadoma*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.





- Simsar, Muhammed A. (ed.). 1978. *Tales of a Parrot by Ziya'u'd-din Nakhshabi*. Cleveland (Graz): Cleveland Museum of Art Akademische Druck u. Verlagsanstalt.
- Tang, Muhammad Rapi. 2000. La Padoma Ennaja; Sebuah legenda dalam sastra Bugis klasik. *Warta ATL* 6-6: 30-40.
- Tol, Roger. 1990. *Een Haan in Oorlog, Toloqna Arung Labuaja; Een Twintigste-Eeuws Buginees Heldendicht van de Hand van I Mallaq Daéng Mabéla Arung Manajéng*. Dordrecht/Providence: Foris. (Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde 141).
- _____. 1996. A Separate Empire; Writings of South Sulawesi. Dlm. *Illuminations: the Writing Traditions of Indonesia Featuring Manuscripts from the National Library of Indonesia*, Ann Kumar & John H. McGlynn (ed). 213-30. Jakarta: Lontar Foundation.
- _____. 2003. Pengembaran La Galigo ke Washington D.C.: Memperkenalkan Husin bin Ismail, Seorang Bugis Terpelajar di Singapura. Dlm. *La Galigo; Menelusuri Jejak Warisan Sastra Dunia*, Nurhayati Rahman, Anil Hukma & Idwar Anwar (ed). 59-78. Makassar: Pusat Studi La Galigo, Universitas Hasanuddin/ Pemerintah Daerah Kabupaten Baru.
- Winstedt, Richard. 1996. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. (MBRAS Reprint 12)
- Zainal Abidin, Andi. 1983. *Persepsi Orang Bugis, Makasar Tentang Hukum, Negara dan Dunia Luar*. Bandung: Alumni.
- _____. 1999. *Capita Selecta Kebudayaan Sulawesi Selatan*. Ujung Pandang: Hasanuddin University Press.



Sirtjo Koolhof
Librarian
KITLV/Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies
PO Box 9515
2300 RA Leiden
Netherlands
e-mail: koolhof@kitlv.nl

